

27/01/2003

Singapura tiada kuasa (HL)

Kadir Dikoh

SUBANG: Malaysia tidak mengiktiraf Singapura sebagai berkuasa di perairan

Pulau Batu Putih kerana kawasan itu masih dalam pertikaian dan keadaannya

belum menentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dengan itu kita berhak seperti mana Singapura berhak," kata Perdana Menteri pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia dekat

sini, semalam sekembalinya dari lawatan kerja seminggu ke luar negara.

Dr Mahathir sebelum ini mengadakan lawatan ke Lubnan, Mesir dan Davos, Switzerland.

Beliau berkata, Malaysia tidak bersikap seperti Singapura yang sanggup mengejar serta mengusir kapal pihak berkuasa negara ini yang berada di perairan berdekatan Pulau Batu Putih meskipun tempat itu masih dalam pertikaian dan belum diputuskan hak milik sebenar oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Dr Mahathir berkata, Kuala Lumpur tidak mengusir kehadiran kapal perang

Indonesia yang berada di Pulau Sipadan sebelum pulau itu diputuskan ICJ sebagai milik Malaysia sebelum ini.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, Malaysia tetap tidak mengiktiraf Singapura sebagai berkuasa di perairan Pulau Batu Putih kerana ia masih dalam pertikaian dan hak mutlak ke atasnya belum diputuskan lagi oleh ICJ.

"Keadaan belum menentu dan dengan itu kita berhak (untuk turut berada di

perairan Pulau Batu Putih), sama seperti Singapura berhak, kita (pun) berhak," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pertahanan Singapura, Dr Tony

Tan Keng Yam yang juga Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini yang menggesa Malaysia menghentikan pencerobohan berulang bot tentera dan polis

Malaysia di perairan Pulau Batu Putih.

Kelmarin, Menteri Luar Singapura S Jayakumar, memberitahu Parlimen republik itu bahawa tindakan Singapura di Pulau Batu Putih, tiada bezanya

dari segi undang-undang jika dibandingkan tindakan Malaysia di Pulau Sipadan.

Dengan memberi contoh dokumen yang difailkan Indonesia di ICJ, Jayakumar

berkata Jakarta membantah sekurang-kurangnya lima kali mengenai aktiviti Malaysia yang berterusan di Sipadan.

ICJ di The Hague pada 17 Disember lalu memutuskan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di perairan Borneo adalah milik Malaysia dan keputusan itu adalah muktamad serta menamatkan pertikaian selama 30 tahun antara Malaysia dan Indonesia berhubung hak kedaulatan kedua-dua pulau itu.

Malaysia dan Singapura pula akan menandatangani Memorandum

Persefahaman

(MoU) bagi membawa isu tuntutan ke atas Pulau Batu Putih ke ICJ di Putrajaya pada 6 Februari ini.

Mengenai kenyataan Jayakumar itu, Dr Mahathir berkata Indonesia juga datang ke Pulau Sipadan serta mendarat di situ tanpa sebarang tindakan daripada Malaysia untuk melarang mereka berbuat demikian.

"Ia masih dalam pertikaian (Pulau Sipadan ketika itu). Kita tidak bersikap seperti Singapura, kita tidak mengejar orang keluar. Kita tahu mereka datang ke situ (Sipadan), kapal tentera mereka mendarat...kita tidak berlawan dengan mereka atau cuba mengusir mereka keluar," katanya.

Ditanya sama ada tindakan Singapura itu sebagai angkuh, beliau berkata pihak media tempatan boleh membuat penilaian sendiri mengenai sikap sebenar republik terbabit.

Mengenai persetujuan Singapura supaya isu harga air dibuat menerusi timbang tara undang-undang negeri Johor, Dr Mahathir berkata pihaknya akan mengkaji terlebih dulu mengenai perkara itu.